

<b>Headline</b>	<b>Kelestarian alam pastikan bandar raya selamat, selesa</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Berita Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>19 Feb 2019</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Nasional</b>	<b>Circulation</b>	<b>69,985</b>
<b>Page No</b>	<b>11</b>	<b>Readership</b>	<b>209,955</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>384 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 13,237</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 39,710</b>



# Kelestarian alam pastikan bandar raya selamat, selesa

Forum Bandar Malaysia (MUF) yang berlangsung semalam dan hari ini, memberi peluang dan tanggungjawab membincangkan perancangan serta strategi penyelesaian terhadap isu masyarakat bandar masa hadapan, khususnya Kuala Lumpur.

Penganjuran MUF juga wajar memberi maklum balas positif kepada Forum Bandar Sedunia Ke-9 (WUF9) yang berlangsung 7 hingga 13 Februari tahun lalu, selain seiring Agenda Bandar Baharu dan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG 2030).

Ibu pejabat perubahan suhu bandar, banjir kilat, pengurusan sisa pepejal dan kawasan hijau yang cukup untuk masyarakat bandar, perlu diberi perhatian dan penyelesaian terbaik harus dicari.

Soal pemanasan bandar raya Kuala Lumpur dibincangkan sejak 1970-an. Hasil kajian perbandingan suhu bagi 1972, 1975 dan 1980 menunjukkan kewujudan pulau haba di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya.

Fenomena ini wujud kerana bertambahnya kenderaan berenjin, selain pertambahan kawasan

## Komentar



**Prof Dr Ahmad Ismail**  
Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia

perumahan dan jalan raya. Hal ini perlu diberi perhatian dan penyelesaian terbaik harus dicari.

### Kekal kawasan hijau imbangi suhu

Perancangan bandar, reka bentuk bangunan dan pengekalan kawasan lapang hijau yang mencukupi bagi mengimbangi suhu bandar raya mungkin penyelesaian terbaik.

Kawasan hijau seperti Taman Tasik Perdana, Taman Tugu dan Bukit Persekutuan di Kuala Lumpur sangat diperlukan, bagi mengurangkan kenaikan suhu bandar raya Kuala Lumpur. Malah,

kawasan kompleks pendidikan sekitar Kuala Lumpur perlu ditingkatkan kehijauan dengan menanam pokok bersesuaian.

Kawasan pinggir Kuala Lumpur seperti Batu Caves hingga Tempier Park dan Hutan Simpan Selangor FRIM juga perlu disimpan sebagai kawasan hijau masa hadapan Kuala Lumpur. Usaha ini perlu diusahakan bersama.

Permukaan tanah bandar raya yang ditutup sepenuhnya akan mempengaruhi sistem hidrologi. Penanaman pokok selari kawasan perumahan dan jalan raya mungkin boleh mengurangkan larian air dari kejadian banjir kilat di bandar.

Pokok dan kawasan hijau juga membantu pengurusan kepulan haba di bandar raya.

Sempena MUF, seluruh masyarakat bandar raya, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sepatutnya mengambil kesempatan memberi pandangan bagi memastikan kelestarian bandar raya Kuala Lumpur.

Pembangunan ekonomi dan keperluan penduduk dari segi pemantapan, pengangkutan dan ka-

wasan hijau diberikan pertimbangan ke arah kehidupan bandar selesa dan sihat.

Selain kehijauan bandar raya dengan pokok dan mengurangkan pemanasan bandar, isu sisa pepejal sumber diselarasakan selagi tidak ada teknologi yang baik memproses bahan itu, di samping gaya hidup masyarakat bandar yang tidak berubah menuju pengamalan sisa sifar.

### Sisa pepejal dan kelestarian sumber air

Semua aspek daripada sumber sisa, sikap dan amalan manusia, aktiviti pelupusan sampah, kos pengurusan dan kaedah penyelesaian sudah banyak dibincangkan.

Sepanjang 2018 misalnya seluruh negara membincangkan pencemaran plastik di laut yang boleh membunuh hidupan laut seperti penyu, ikan paus, burung laut dan ikan, yang akhirnya memberikan kesan kepada kesihatan manusia.

Pengurangan atau memberhentikan penggunaan bahan beraskan plastik sangat sukar dan mencabar kerana ia menjadi sebaha-

gian gaya hidup masyarakat.

MUF boleh membincangkan hal ini ke arah penyelesaian terbaik demi kelestarian bandar raya dan hidupan laut.

Satu lagi isu yang perlu dibincangkan MUF ialah kebersihan sumber air dan sungai. Malaysia bergantung kepada air bersih daripada sungai, selain menjadikan teladan pelancong.

Bagi memastikan sungai bersih, pendekatan bersepadu mesti dilaksana dari aspek pendidikan masyarakat, penyelidikan, perancangan dan pemantauan berkala.

Seorang penduduk bandar mestinya faham objektif forum yang bertujuan meningkatkan kesedaran mengenai kelestarian perbandaran dalam kalangan orang awam, pembangunan bandar melalui perbincangan terbuka, bertukar pendapat dan berkongsi pengalaman, di samping meningkatkan kerjasama semua pihak dalam hal kelestarian perbandaran.

Agenda Bandar Baharu mesti selari dan komited terhadap 17 matlamat Agenda 2030 untuk pembangunan yang lestari.